

outLOUD Studios anjur kursus mantap keyakinan diri

KUALA LUMPUR: Menyadari kurangnya tahap keyakinan diri di kalangan remaja, outLOUD Studios Sdn Bhd menganjurkan siri ceramah motivasi percuma khusus untuk pelajar sekolah menengah dan menuntut di institut pengajian tinggi.

Pihak itu berpendapat kurangnya keyakinan diri di kalangan pelajar dipercayai berpunca daripada sikap takut bertanya yang tidak diterapkan sejak kecil lagi.

Oleh itu, outLOUD Studios berpendapat kebanyakan pelajar kurang yakin menyuarakan pandangan.

Walaupun ada yang berani bertanya, tetapi terhalang dengan sikap sedemikian seterusnya menjadikan mereka terbiasa memendam rasa.

Untuk membantu remaja mengatasi masalah ini, out-



CERIA...Ernie Chen mengetuai pelajar daripada pelbagai sekolah yang menyertai kem motivasi percuma kendalian outLOUD Studios.

LOUD Studios menganjurkan kempen untuk menanam keyakinan dalam diri dan ia bermula sejak Jun lalu dan berakhir Disember ini.

Satu daripada program direncanakan adalah ceramah motivasi dikendalikan pakar motivasi ternama Asia yang juga Ketua outLOUD Studios, Ernie Chen.

Selari dengan usaha itu, outLOUD Studios juga menyediakan buku hasil nukilan Ernie Chen bertajuk '10

Ultimate Tips For Confidence' ke semua sekolah menengah di Lembah Klang.

Sehubungan itu, outLOUD Studios mempelawa sekolah seluruh negara untuk memberi peluang kepada pihaknya itu membantu membina keyakinan diri pelajar secara percuma.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenainya boleh menghubungi Samantha di 03-77284098 atau e-mel samantha@outloud.com.my.